

Media Title : Harian Metro
Headline : Tertipu RM318k: Warga emas diarah bungkus barang kemas
Date : 30 December 2025
Section : Lokal
Page : 8



Ipoh: Seorang warga emas mengalami kerugian berjumlah RM318,521 selepas diperdaya sindiket penipuan panggilan telefon atau *phone scam* yang menyamar sebagai pihak berkuasa.

Ketua Polis Daerah Taiping Asisten Komisioner Mohamad Nasir Ismail berkata mangsa, seorang wanita berusia 74 tahun dan merupakan pesara kerajaan, membuat laporan polis kira-kira 2.07 petang pada Jumaat lepas.

"Hasil siasatan awal mendapati mangsa menerima panggilan telefon pada 2 Disember lepas daripada seorang lelaki yang mendakwa wakil daripada pihak Tenaga Nasional

Tertipu RM318k: Warga emas diarah bungkus barang kemas

Berhad.

"Lelaki terbabit mendakwa kononnya terdapat individu telah menggunakan nama mangsa bagi tujuan pendaftaran meter elektrik sebuah rumah di Kuantan, Pahang dan mangsa diminta membuat laporan polis di Kuantan," katanya.

Mohamad Nasir berkata suspek menawarkan diri untuk membuat laporan polis memandangkan mangsa berada di Taiping dan mangsa yang bersejua telah disambungkan

panggilan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis.

Mohamad Nasir berkata suspek terbabit memaklumkan bahawa mangsa terlibat dalam kes perubahan wang haram dan mengarahkan supaya memberikan kerjasama kepada pihak polis dengan mengikuti arahannya.

"Mangsa diminta memberikan maklumat peribadi miliknya dan memaklumkan mengenai semua wang serta barang kemas yang dimiliki bagi tujuan

siasatan," katanya.

Beliau berkata mangsa dihubungi seorang lagi lelaki yang mengarahkan supaya membungkus kad ATM dan kesemua barang kemas milik mangsa serta meletakkan bungkus itu di simpang jalan berhampiran dengan rumah mangsa.

"Mangsa diminta melaporkan setiap pergerakannya sejak 10 hingga 23 Disember dan juga diminta memberikan kata laluan kad ATM miliknya bagi tujuan siasatan.

"Oleh sebab mangsa berada dalam keadaan ketakutan, mangsa mengikuti kesemua arahan yang diberi dan memindahkan wang Amanah Saham Bumiputera ke dalam akaun

bank miliknya serta memberikan maklumat akaun Tabung Haji seperti mana yang diarahkan," katanya.

Mohamad Nasir berkata mangsa telah membuat semakan pada akaun bank dan Tabung Haji miliknya dan mendapati kesemua wang dalam akaun berkenaan telah tiada pada 23 Disember.

"Hasil semakan oleh pihak bank terdapat transaksi yang bukan dilakukan oleh mangsa dan wanita tersebut mengesyaki transaksi wang dalam akaun milik mangsa telah dilakukan oleh *scammer*," katanya sambil menambah kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

"Mangsa diminta memberikan maklumat peribadi miliknya dan memaklumkan mengenai semua wang serta barang kemas yang dimiliki"

Mohamad Nasir